

The background of the cover is a light gray, textured surface with faint, large-scale musical notation, including staves and notes, in a darker gray color. The cover is framed by a dark olive green border with a thin gold inner line. The corners are clipped at a 45-degree angle.

BULETIN MAME 2023

**Jilid 6 Isu 2
Edisi: Julai 2023**

KATA-KATA ALUAN PRESIDEN MAME



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah kita berpeluang untuk sekali lagi bertemu dalam MAME Bulletin Isu ke 2 bagi tahun 2023. Masa berlalu begitu pantas sekali dan kita kini telah masuk ke separuh kedua tahun 2023. Tahun ini agak sibuk bagi MAME kerana selain daripada perancangan Mesyuarat Agung MAME, MAME juga terlibat di dalam pelbagai aktiviti dan pelaksanaan projek Rakan Muzik Komuniti bersama Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan di mana perbincangan telah bermula sejak awal tahun ini lagi.

Edisi Buletin MAME kali ini mengandungi enam (6) artikel dan dua (2) laporan mengenai aktiviti MAME. Artikel Nadiah Hayati Omar dan Irene Chai menyentuh inovasi pembikinan dan penggunaan alat muzik Angkletuk dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik di sekolah-sekolah. Muhammad Nuh Izzuddin Jumal berkongsi usaha penglibatan komuniti di negeri Johor untuk menggalakkan generasi muda dan orangramai mengenali dan meminati muzik Keroncong. Fauzila Abdul Latif membentang konsep pelaksanaan Pendidikan Abad ke 20 (PAK21) dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Artikel Amir Hamzah Nordin memperkenalkan pencipta lagu tema Hari Kebangsaan pada tahun 70an dan 80an yang juga adalah pendidik muzik tidak asing Nazri Ahmad, yang pernah berkhidmat di Maktab Perguruan Ilmu Khas (sekarang Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas). Seterusnya, Fauzila Abdul Latif memberi ringkasan mengenai Program Kecemerlangan Kebitaraan Pendidikan Khas, Pendidikan Muzik dan Pendidikan Seni Visual yang telah dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Hanis Nadwa Hasmadie mengupas isu pentaksiran dalam Pendidikan Muzik semasa. Akhir sekali, Yeow Su En dan Koh How Earn memberi laporan mengenai aktiviti MAME iaitu MAME Online Series Siri No. 17 oleh Emil Afrasiyab dan ucapan utama Presiden International Society for Music Education (ISME) Profesor Bo-Wah Leung di The 3rd National Conference on Music Education, Thailand - di mana MAME adalah satu-satunya organisasi luar Thailand yang telah dijemput untuk turut menghadiri.

Seperti sebelum ini, buletin MAME ini turut mengandungi panggilan kepada semua ahli MAME untuk memanjangkan penulisan artikel bagi edisi Buletin MAME yang akan datang. Terima kasih kepada semua penyumbang artikel dan laporan bagi Buletin MAME kali ini. Semoga tabiat berkongsi ilmu di kalangan kita semua akan berterusan ke arah memajukan bidang pendidikan muzik dan kerjaya sebagai pendidik di Malaysia khususnya. Selamat membaca!

Profesor Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir



Profesor Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir

Presiden

Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME)

KANDUNGAN

INOVASI ALAT PERKUSI ANGLKETUK	1
KOMUNITI KERONCONG MALAM JUMAAT	6
PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MUZIK ABAD KE-21	10
PENCIPTA LAGU TEMA HARI KEBANGSAAN 70AN DAN 80AN	16
PROGRAM KECEMERLANGAN KEBITARAAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS	19
PENTAKSIRAN DALAM PENDIDIKAN MUZIK SEMASA	23
TRANSMISSION OF TRADITIONAL MUSIC: AN EXAMPLE OF CANTONESE OPERA IN HONG KONG	30
A MUSICAL JOURNEY EXPERIENCE SHARING	38



INOVASI ALAT PERKUSI ANGKLETUK



Nadiah Hayati binti Omar

Irene Chai Pei Lyn

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas



Permainan alat perkusi merupakan salah satu kemahiran yang diterapkan dalam Modul Kemahiran Muzik di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), di mana murid harus mempelajari permainan perkusi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Angkletuk merupakan satu inovasi alat muzik perkusi yang berteraskan alat Angklung yang diperbuat daripada buluh dan diketuk untuk menghasilkan bunyi. Alat inovasi Angkletuk ini sesuai digunakan di sekolah rendah Tahap 1 dan Tahap 2 dalam permainan alat perkusi selaras dengan keperluan yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran DSKP. Angkletuk ini dicipta bagi meningkatkan penggunaan deria sentuh, lihat dan dengar secara efektif terhadap murid-murid sekolah rendah. Inovasi Angkletuk ini dapat digunakan secara kreatif dengan mengetuk batang silinder buluh dengan kayu pengetuk bagi menghasilkan variasi bunyi tinggi, sederhana, dan rendah. Bermain alat Angkletuk ini dapat menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif serta meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Murid belajar menyelesaikan masalah semasa mereka dikehendaki memainkan corak irama sendiri dalam aktiviti Pendidikan Muzik bagi mengiringi lagu dengan bermain alat Angkletuk tersebut. Secara amnya, proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik adalah berlandaskan aktiviti amali yang dilakukan secara *hands-on*, maka amat sesuai sekali Angkletuk ini dijadikan sebahagian daripada alat perkusi di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.

Objektif:

- Merangsang daya kognitif murid dalam mempelajari muzik.
- Mengaktifkan psikomotor murid-murid semasa menjalankan aktiviti muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.
- Menarik minat serta mewujudkan keseronokan murid untuk belajar muzik.
- Menggalakkan pemikiran kreatif murid tentang pelbagai kegunaan bahan alam semulajadi.

Bahan Asas Membuat Angkletuk



Permasalahan:


- Peralatan muzik seperti alat perkusi kebiasaannya kurang mencukupi di sekolah (terhad bilangan).
- Alat perkusi rosak perlu diganti tetapi memerlukan kos yang tinggi bagi pembelian setiap alat tersebut.
- Kurang variasi dalam penggunaan alat perkusi di sekolah.

Hubungkait Inovasi Alat Angkletuk dengan Pengajaran dan Pembelajaran

Pendidikan Muzik memberikan pengalaman yang unik kepada murid untuk mengeksplorasi dan menzahirkan potensi diri. Selain murid dapat bergiat aktif dalam aktiviti persembahan muzik, secara tidak langsung mereka juga dilatih untuk lebih berkeyakinan dalam setiap aktiviti muzikal yang dilakukan. Kesemua pengalaman ini adalah untuk pembentukan insan yang berliterasi seni bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Angkletuk dicipta untuk memenuhi hasrat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir, kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Penghasilan bahan inovasi alat Angkletuk ini berkonsepkan alam semulajadi, diperbuat daripada batang pokok buluh yang dipotong kepada lima ruas buluh. Ruas buluh ini mempunyai perbezaan daripada sudut saiz dan panjangnya, bagi menghasilkan satu variasi nada bunyi rendah, sederhana dan tinggi mengikut saiz buluh tersebut. Angkletuk merupakan gabungan idea kreatif untuk satu ciptaan alat muzik perkusi dengan penggunaan yang mudah, tidak memerlukan kemahiran bermain muzik yang tinggi, kos yang jimat serta adalah alat perkusi yang fleksibel.

Proses Pembuatan Alat Angkletuk




Menerusi kajian yang dijalankan oleh Clerget (2022), ada menyatakan tentang kepentingan aktiviti kreativiti dan improvisasi dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru, penghasilan alat Angkletuk ini dapat menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad ke-21 dalam kalangan murid seperti mahir berkomunikasi, bekerja secara berpasukan serta mendorong kepada sifat ingin tahu. Mereka dapat memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif semasa memainkan alat Angkletuk ini. Selain itu, sikap rasa ingin tahu untuk meneroka idea baharu dapat disemai melalui penerokaan pelbagai variasi bunyi alat Angkletuk apabila mengiringi persembahan lagu. Murid akan bermain mengikut kreativiti (corak irama) masing-masing yang sesuai dengan lagu yang didendangkan.

Aktiviti pembelajaran menggunakan alat Angkletuk adalah satu aktiviti amali yang dilakukan secara *hands-on*. Penggunaan alat Angkletuk ini dilihat sangat sesuai ketika proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti permainan alat perkusi yang dimulakan dengan pengajaran bagi corak irama. Selain itu, alat ini juga boleh digunakan untuk mengiringi lagu dan nyanyian dalam Pendidikan Muzik. Alat Angkletuk dimainkan mengikut kreativiti murid sendiri, cara mengetuk dan corak irama yang dihasilkan hendaklah sesuai dengan lagu yang diiring. Dengan cara itu murid telah membina pengetahuan sendiri serta menyelesaikan masalah sendiri secara kreatif ketika mengiringi lagu yang dimainkan. Elemen-elemen *Constructive, Critical, Creative and Collaborative* yang terdapat dalam Model Pembelajaran 4C penting bagi meningkatkan hasil pembelajaran dari sudut tahap penguasaan murid-murid dalam pembelajaran (Supena et al., 2021). Angkletuk mempunyai keistimewaan tersendiri di mana alat inovasi ini dapat diselaraskan ketinggiannya mengikut saiz ketinggian murid. Kumpulan sasaran adalah murid Tahun 3 hingga Tahun 6 di sekolah rendah yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik.

Secara tidak langsung, dengan terciptanya alat Angkletuk ini, murid-murid menjadi lebih berdikari dalam menimba ilmu. Permainan alat Angkletuk ini dapat dijalankan melalui salah satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk Modul Kreativiti Muzik yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik yang digunakan di sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Alat Inovasi Angkletuk



Gambar alat Angkletuk di atas menunjukkan saiz ruas buluh yang berlainan dapat menghasilkan nada bunyi yang berbeza apabila diketuk dengan kayu pengetuk. Selain itu, aras ketinggian alat Angkletuk ini dapat diselaraskan mengikut ketinggian murid.

Faedah dan Sumbangan Inovasi yang diperkenalkan

- Penjimatan kos pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan Bahan Bantu Mengajar berteraskan bahan semula jadi.
- Projek inovasi alat Angkletuk ini dapat menjana pemikiran kreatif dalam kalangan murid-murid untuk melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif.
- Menghasilkan pelbagai bunyi bervariasi (pic berlainan) melalui ketukan kayu pengetuk pada buluh.
- Penghasilan inovasi alat Angkletuk dapat memberikan idea yang kreatif dan inovatif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru muzik dalam kelas.
- Penghasilan inovasi alat Angkletuk ini dapat memberikan kesan kepada pembelajaran konstruktivisme, di mana murid membina pengetahuan sendiri secara aktif berdasarkan pengalaman sedia ada mereka apabila meneroka corak irama semasa bermain Angkletuk. Selain itu murid membina kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif apabila mereka harus mencipta corak irama yang sesuai bagi mengiring lagu yang didendangkan dengan bermain Angkletuk.
- Penghasilan alat Angkletuk ini juga dapat membantu dalam penjimatan kos untuk membeli alat perkusi yang diperlukan bagi mata pelajaran muzik dengan harga yang berpatutan.

Hasil kajian rintis bersama murid-murid di sebuah sekolah rendah mendapati, inovasi alat Angkletuk telah menunjukkan minat dan penglibatan aktif murid dalam aktiviti Pendidikan Muzik di mana murid dapat mengekspresi diri dengan memperoleh pengalaman baharu dalam bermain alat Angkletuk. Selain itu, murid dapat mendengar bunyi dan warna ton yang berbeza melalui permainan alat ini. Murid juga dapat menggayakan cara permainan alat Angkletuk mengikut kreativiti sendiri dengan lancar sebagai iringan bagi lagu yang dimainkan. Kesimpulannya, inovasi alat Angkletuk ini dapat memberi satu pengalaman berbeza dalam konteks bermain alat perkusi, selain memberikan variasi alat perkusi baharu untuk kegunaan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik. Diharapkan juga agar budaya rekacipta dan inovasi dapat dijadikan sebagai satu amalan dalam kalangan murid.

Demonstrasi Penggunaan Alat Inovasi Angkletuk oleh murid di sekolah



Rujukan

Clerget, D. I. (2022). Fostering creativity and improvisation in the elementary general music classroom using the Orff approach [Master's thesis, Ball State University]. Ball State University.

https://cardinalscholar.bsu.edu/bitstream/handle/123456789/203264/ClergetD_2022-2_BODY.pdf?sequence=1

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Kurikulum standard sekolah rendah pendidikan muzik dokumen standard kurikulum dan pentaksiran tahun 4 bahagian pembangunan kurikulum.

<http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-sekolah-rendah/category/335-dskp-tahun-4>

Supena, I., Darmuki, A., & Hariyadi, A. (2021). The Influence of 4C (Constructive, Critical, Creativity, Collaborative) Learning Model on Students' Learning Outcomes. *International Journal of Instruction*, 14(3), 873-892.

KOMUNITI KERONCONG MALAM JUMAAT

Muhammad Nuh Izzuddin Bin Jumal
Sekolah Kebangsaan Taman Suria
Johor Bahru



Keroncong Malam Jumaat adalah satu usaha komuniti oleh sekumpulan guru muzik Negeri Johor untuk menggalakkan generasi muda mengenali dan meminati muzik Keroncong. Sebagaimana yang kita ketahui, kehadiran muzik keroncong di Negeri Johor bermula dengan kedatangan orang-orang Jawa pada abad ke-20. Bermula dari tiada aktiviti muzik akibat badai covid-19 melanda negara dan melepak tak tentu hala, maka tercetus idea untuk belajar bermain keroncong. Idea asal adalah dari Cikgu Mohd Redzuan Bin Zulkipli yang merupakan guru muzik di SMK (P) Sultan Ibrahim, Johor Bahru dan Cikgu Mohd Sairuzi bin Ab. Wahab dari Sekolah Kebangsaan Pasir Putih, Pasir Gudang. Antara alat muzik yang digunakan dalam Rancangan Malam Jumaat ialah Cak, Cuk, Cello, Double bass, Flute, Violin dan Gitar.

Sesi berkumpul dan berlatih di Sixers Barbershop

Logo rasmi



Komuniti ini merupakan generasi pertama dalam kalangan guru muzik dari Johor di bawah bimbingan En. Ismail Bahari yang merupakan pemuzik keroncong dari Yayasan Warisan Johor pada awalnya dan kini berkembang sehingga memiliki 30 ahli yang terdiri dari pelbagai profession pekerjaan. Tempat latihan bagi muzik keroncong ini adalah di Sixers Barbershop kerana di situ tempat yang sesuai untuk bergaul dengan masyarakat setempat

manakala masa berkumpul ialah pada hari khamis malam jumaat, di situ terilhamnya nama 'Keroncong Malam Jumaat'.

Kesemua ahli kumpulan muzik keroncong ini terdiri daripada mereka-mereka yang baharu mula belajar (*novice*) keroncong. Kadangkala terdapat juga pemuzik bebas (*freelance*) yang turut menyertai kumpulan ini termasuk pemuzik dari Istana Budaya. Walaupun kebanyakan di kalangan kami memang pakar dalam alatan dan genre muzik masing-masing, namun untuk mendalami ilmu muzik keroncong ini memerlukan kami untuk berguru kerana genre muzik keroncong itu sendiri adalah unik dan tidak boleh dimainkan sebarangan tanpa merujuk pada yang pakar. Kepada mana-mana individu yang berminat dengan muzik keroncong, penyertaan anda adalah dialu-alukan bagi menghidupkan lagi muzik tradisi ini. Pemuzik luar yang berminat boleh hadir beramai-ramai di alamat tersebut atau di media sosial kami seperti berikut:




ALAMAT: No. 37, 01, JALAN DATARAN LARKIN I, TAMAN DATARAN LARKIN, 80350 JOHOR BAHRU, JOHOR

IG: *keroncong_malam_jumaat*
FB: *Keroncong Malam Jumaat*
Youtube:
@keroncongmalamjumaat

Antara projek yang turut kami laksanakan ialah seperti rakaman lagu raya, jemputan persembahan serta program jalinan dan jaringan untuk penganjuran Bengkel Kemahiran Asas Muzik Keroncong Negeri Johor.

Jemputan persembahan dan Projek Rakaman Lagu



Pelaksanaan Bengkel Kemahiran Asas Muzik Keroncong di Sekolah Menengah Peringkat Negeri Johor 2022 yang telah melabuhkan tirainya pada 21 Oktober 2022 yang lalu merupakan projek terbesar kumpulan Keroncong Malam Jumaat setakat ini. Jutaan terima kasih kepada yang menyokong dan membantu menjayakannya.

Permulaan ini membawa harapan, ruang dan peluang untuk anak-anak pewaris bangsa dapat berkumpul dan bertemu untuk mempersembahkan muzik keroncong bersama-sama dengan Pak Long, Mak Ngah, Mak Uda, Ayah chik & Mak Usu leluhur Keroncong Johor dalam satu lagi program yang diharapkan dapat menyemarakkan lagi muzik keroncong di Negeri Johor.

Banner Bengkel Kemahiran Asas Muzik Keroncong



Semoga langkah pertama ini akan disambut baik untuk melahirkan pewaris yang akan menyemarakkan semula muzik keroncong di Negeri Johor. Sekalung Penghargaan buat:

- Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Jalil
- Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini
- Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Aris Bendahara
- Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sultan Ibrahim
- Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Alam
- Sekolah Menengah Kebangsaan SriAmar Diraja
- Sekolah Seni Malaysia Johor
- Yayasan Warisan Johor
- JAKOA Kluang
- Kelab D'kluang
- Pejabat Pendidikan Daerah Kluang
- Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Bengkel Keroncong Negeri Johor



PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MUZIK ABAD KE-21

Dr. Fauzila binti Abdul Latif
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas



Pendidikan Abad ke-21 (PAK21) merujuk kepada pendidikan yang bertujuan melahirkan generasi yang berilmu serta mampu berfikir, bertindak, dan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat berlandaskan skop yang global dan teknologi yang terkini. Pendidikan abad ke-21 juga mengupayakan seseorang dengan sikap, kemahiran, dan ilmu untuk melakukan perkara-perkara yang perlu dilakukan dalam konteks persekitaran yang sentiasa berubah. Di Malaysia, pengajaran guru muzik yang bertunjangkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan penanda aras keberkesanan pendidikan kelas abad ke-21 yang diharapkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 2014, iaitu selaras dengan transformasi pendidikan negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Umumnya, dalam PAK21, peranan atau tugas guru dalam proses pembelajaran adalah sebagai sumber belajar, fasilitator, pengelola pembelajaran, demonstrator, pembimbing, moderator dan penilai. Terdapat beberapa elemen diterapkan yang juga disebut sebagai standard asas dalam PAK21, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti. Menurut Mashira (2019), guru-guru mengetahui dan mengamalkan elemen-elemen PAK21 melalui aktiviti kumpulan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Melalui pemerhatian terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berteraskan PAK21 di salah sebuah sekolah di daerah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mendapati amalan pengajaran dan pembelajaran penerapan elemen 4K iaitu kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan komunikasi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) oleh kalangan guru amat memberangsangkan. Kemahiran abad ke-21 dalam proses PdPc diterapkan oleh pelbagai lapisan pihak sekolah dalam meningkatkan pencapaian akademik semua murid melalui pelbagai aktiviti termasuk menyediakan infrastruktur yang bersesuaian dan mengikut peredaran semasa.

Dalam pengajaran guru Pendidikan Muzik khususnya, didapati guru menjalankan aktiviti bersifat arahan dengan melibatkan kreativiti, perbincangan dua hala dengan mengaplikasikan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Guru cenderung mengawal pembelajaran pelajar dan memberi kebebasan kepada murid untuk mengawal pembelajaran

mereka sendiri. Perkara ini memberi implikasi kepada perkembangan emosi murid yang mana murid didapati menjadi lebih seronok dan lebih faham akan sesuatu pembelajaran yang disampaikan. Dapat dilihat guru menerapkan kepada murid kemahiran yang selaras dengan cabaran kehidupan abad ke-21 menerusi elemen 4K dalam aktiviti pendidikan muzik seperti:

- Komunikatif
 - Melalui aktiviti soal jawab, guru memberi peluang murid memberi idea secara sumbang saran dengan pendekatan berasaskan masalah. Murid mampu menyampaikan maklumat dan bertukar pendapat dengan rakan-rakan lalu membuatkan murid tidak kekok serta mampu membiasakan diri bercakap dengan individu lain. Selain itu, berkomunikasi dengan berkesan wujud apabila murid juga mampu menunjukkan menerusi tindakan. Komunikasi yang dijalankan adalah bersifat dua hala dengan medium bersemuka mahupun maya.
- Kolaboratif
 - Aktiviti yang melibatkan kerja berkumpulan membolehkan murid bertukar-tukar idea dengan rakan-rakan untuk mencapai kata putus sebulat suara. Murid juga tahu peranan masing-masing sebagai ahli atau ketua kumpulan. Murid boleh membuat keputusan dalam merancang gerak perbincangan atau aktiviti muzik yang dijalankan.
- Berfikiran kritis
 - Murid mahir mencari jalan penyelesaian, menimbang tara pilihan serta membuat keputusan. Murid juga bersedia untuk merungkai langkah-langkah ke arah hasil atau keputusan yang dibuat.
- Kreatif
 - Murid boleh memberi alternatif di luar jangkaan yang bersesuaian dengan situasi. Murid juga mahir menggunakan kemahiran pelbagai dalam mempersembahkan hasil perbincangan atau menyampaikan keputusan menerusi persembahan secara berkumpulan mahupun individu.

Dalam menjalankan aktiviti muzikal di dalam bilik darjah, secara tidak langsung, murid juga diterapkan dengan nilai murni yang dapat dihubungkan dengan kehidupan seharian mereka. Perkara ini terbukti apabila murid dapat menyatakan nilai murni berdasarkan isi pembelajaran dan aktiviti yang telah dijalankan selepas setiap pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Susunan meja di dalam kelas secara berkumpulan



Perkembangan kemahiran abad ke-21 telah memberikan pengaruh kepada sistem pendidikan yang mana pelajar kini lebih terdedah kepada penggunaan teknologi dalam setiap perkara yang dilakukan dan peluang ini telah digunakan secara meluas. Pihak sekolah telah menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti serta anjakan keenam dalam memanfaatkan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran. Kewujudan pelbagai jenis aplikasi dan teknologi terkini yang mempunyai pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian mendedahkan pelajar kepada pembelajaran sepanjang hayat (*Lifelong Learning*).

Pelaksanaan aktiviti berasaskan model pembelajaran Abad ke-21 seperti *Role-Play and Simulation Learning (RPL)*, *Discovery Learning (DL)*, *Cooperative Learning (CL)*, *Collaborative Learning (CbL)*, *Contextual Learning (CtL)*, *Project Based Learning (PjBL)*, *Problem Based Learning Inquiry (PBL)*, dan *Self-Directed Learning (SDL)* merupakan pendekatan yang tidak asing lagi di sekolah, bukan sahaja bagi mata pelajaran Pendidikan Muzik malah secara umumnya diaplikasikan pada mata pelajaran yang lain. Kelengkapan pengajaran serta infrastruktur sekolah yang mencukupi dengan kemudahan yang merentas keperluan semasa memudahkan warga sekolah mendapat akses kearah meningkatkan kualiti pendidikan dari pelbagai aspek. Seajar bagi menyokong dan membantu guru melicinkan proses PdPR, pelantar pendidikan *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA)*

juga banyak membantu dan memudahkan para guru menyampaikan pengajaran dengan menyediakan pautan pada Google Classroom, Microsoft Teams, Buku Teks Digital, EduwebTV, CikgooTube, Canva serta aplikasi pembelajaran dan pautan aplikasi gamifikasi. Era teknologi maklumat muktahir ini dilihat satu keperluan yang berjaya memberi impak dan mempengaruhi sistem pendidikan negara. Penggunaan teknologi ini bukan sahaja mampu menjimatkan masa, malah memudahkan penandaan dan juga menjimatkan ruang penyimpanan. Sejarar dengan pendapat Badrul Hisham (2019), pendidik yang terlibat dalam bidang pedagogi perlu sentiasa berilmu pengetahuan dan celik ICT. Kesemua faktor ini dapat membantu dan menyumbang meningkatkan kualiti, kompetensi dan dinamik.

Kemudahan cermin besar di bilik muzik untuk aktiviti muzikal




Aktiviti Didik Hibur



Sesi rakaman tabir raya menggunakan teknologi green screen di bilik muzik



Penggunaan kain banner sepenuhnya untuk menghiasai sudut maklumat di belakang kelas dan bagi membalut meja murid



Pelbagai perubahan dari pelbagai perspektif dapat dilihat apabila PAK21 diimplimentasikan di sekolah yang melibatkan pihak pentadbir, guru dan murid. Amalan guru kanan mata pelajaran dan ketua panitia dalam menyampaikan kurikulum melibatkan perancangan Latihan Dalam Perhidmatan (LDP) di peringkat sekolah. Guru sendiri menyebarkan kaedah dan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan kehendak semasa, menghadiri LDP di peringkat sekolah bagi memahami dan menghayati DSKP untuk melaksanakan PdPc berdasarkan kandungan DSKP.

Secara keseluruhannya, penerapan amalan pengajaran dan pembelajaran PAK21 dalam kalangan guru dapat dilaksanakan secara berkesan dalam mata pelajaran pendidikan muzik merentas kurikulum. Walaupun masih terdapat kekangan yang perlu ditingkatkan oleh pihak sekolah namun usaha dan inisiatif dalam mengimplimentasikan PAK21 dari pelbagai aspek diambil kira dari semasa ke semasa agar amalan PAK-21 ini dapat terus subur dan dikembangkan. Hasil penelitian menunjukkan bahawa kemampuan pembelajaran abad ke-21 yang diintegrasikan secara langsung pada pembelajaran memampukan murid berfikiran kritis, kreatif, menggalakkan komunikasi dan kolaborasi yang dapat diaplikasikan pada kehidupan seharian. Ini menunjukkan amalan yang bersesuaian dengan matlamat dan peredaran zaman mengikut plan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 terus diamalkan di sekolah rendah.

Rujukan

- Badrul Hisham Alang Osman & Mohd Nasruddin Basar (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke- 21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10, 2016. Diakses pada 24 Mei 2023 dari: <https://sme6044.files.wordpress.com/2017/03/abad-21-ipg-ipoh.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025. Diakses pada 25 Mei 2023 dari: <https://www.moe.gov.my>
- Mashira Yahaya et al. (2019). Amalan pembelajaran abad ke-21 (Pak21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *jurnal ipda*, [s.l.], v. 26, n. 1, p. 13-24, feb. 2020. issn 1394-6218. Diakses pada 26 Mei 2023 dari: <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ipda/article/view/8022>

NAZRI AHMAD: PENCIPTA LAGU TEMA HARI KEBANGSAAN 70an DAN 80an



Nazri Ahmad, seorang pencipta beberapa lagu tema hari kebangsaan dan musabaqah peringkat kebangsaan pada era 1970an hingga 1980an sekarang tinggal di Semenyih, Selangor. Nazri Ahmad dilahirkan pada 3 Jun 1935 di Batu Gajah, anak kedua daripada 10 beradik, tinggal berseorangan di sebuah rumah di Semenyih. Hobinya hanya menonton televisyen khususnya rancangan berita. Beliau sangat dikenali di kalangan pendidik terutama graduan guru pendidikan muzik daripada Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK) atau sekarang dikenali sebagai Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK), Cheras, Kuala Lumpur.

Nazri Ahmad telah mencipta beberapa lagu tema hari kebangsaan seperti Ketahanan Rakyat (1976), Bersatu Berdisiplin (1979), Amanah Asas Kejayaan (1984) dan Bangsa Tegas Negara Teguh (1986). Dimaklumkan lebih satu dozen lagu tema hari kebangsaan dan lagu tema musabaqah adalah hasil bekas tangannya.

Beliau merupakan lulusan sarjana muzik daripada Universiti Northwestern, Chicago pada 17 Jun 1978 dan sebelum itu mengikuti pengajian selama empat tahun di Royal Academy Music London serta berjaya memegang segulung ijazah sarjana muda. Bermula dengan peperiksaan Senior Cambridge pada tahun 1955, Nazri sempat mengambil peperiksaan A Royal School Of Music (ABRSM) Gred Lapan pada usia 19 tahun sebelum ditawarkan mengikuti latihan perguruan di Brinsford Lodge pada 1955. Brinsford Lodge adalah sebuah kolej latihan guru untuk pelajar Malaysia pada pertengahan 1960an hingga awal 1980an yang terletak di Staffordshire, Featherstone, kira-kira 8 kilometer di utara Wolverhampton. Selain itu, beliau turut lulus Trinity College of Music London untuk dianugerahkan diploma perguruan pada April 1970 serta memperolehi Licentiate Diploma daripada A Royal Academy Music London pada 1 Julai 1971.

Selepas tamat pengajian di Brinsford Lodge, beliau memulakan kerjayanya sebagai guru di Sekolah Rendah Kebangsaan di Kepala Batas, pada Januari 1958 dan kemudian ditukarkan ke sebuah sekolah di Pulau Pinang. Nazri Ahmad mula berkhidmat di IPGKIK pada tahun 1971 sehingga 1987, kemudian ditawarkan bertugas di Institut Teknologi Mara (ITM) di jabatan muzik pada 1988. Jodohnya di ITM tidak lama dan kemudian beliau pernah ditawarkan untuk bertugas ke Indonesia dan Australia, tetapi dengan jati diri dan bersemangat patriotik yang tinggi untuk tanahair, beliau terus kekal berkhidmat di negara ini. Beliau pernah merantau ke Eropah dan Amerika Syarikat untuk beberapa tahun, walaubagaimanapun beliau masih menganggap negara ini tetap di hatinya dan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang terbaik di dunia.

“Kita perlu sanjung, jaga dan sayangi negara kita yang didiami oleh pelbagai kaum dan agama agar kekal aman dan damai.”

“Sebagai pendidik, kita perlu pupuk semangat jati diri dan semangat patriotik masyarakat menerusi muzik agar negara kita sentiasa aman dan damai tanpa sebarang perbalahan,”

Berkaitan pendidikan muzik di sekolah, beliau berharap subjek muzik akan diperkasa dengan menitikberatkan budaya dan seni khazanah negara sedia ada yang wajar dijaga dan dipelihara. Beliau berpendapat bahawa muzik adalah bahasa universal, khususnya buat kanak-kanak kecil digalakkan untuk menyanyi lagu patriotik dan lagu kanak-kanak atau lagu rakyat agar mereka membesar bersama budaya negara sendiri dan akan sentiasa mengingati asal usul walau di mana mereka berada.

“Selain itu, kanak-kanak dapat menghayati muzik sambil melakukan pergerakan tubuh badan agar sentiasa cergas.”

Beliau mengingatkan masyarakat umum agar memahami serta menghargai asas muzik negara Malaysia. Menurut beliau, seni muzik tanah air kita sangat kaya dengan pelbagai genre yang mampu mewarnai dunia seni seperti Lagu Melayu Asli, Dondang Sayang, Ghazal, Zapin dan lain-lain. Penghayatan seni muzik di Malaysia oleh generasi muda dan masyarakat umum adalah penting bagi memulihara dan memelihara khazanah seni muzik negara agar tidak pupus ditelan zaman.



En. Nazri Ahmad



Dilaporkan oleh: Amir Hamzah bin Nordin



PROGRAM KECEMERLANGAN KEBITARAAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS



Dalam usaha meningkatkan tahap kemenjadian siswa guru Institut Pendidikan Guru, Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) telah mengadakan program khas kebitaraan yang terbahagi kepada tiga kluster iaitu Pendidikan Khas, Pendidikan Muzik, dan Pendidikan Seni Visual. Dalam setiap kluster, terdapat inisiatif yang tersendiri bagi menyuntik semangat untuk terus kekal berdaya saing mengikut minat masing-masing.

Program yang diadakan di Dewan Dato' Razali Ismail IPGKIK ini telah berjaya dilaksanakan secara gilang gemilang dan mendapat sambutan hangat daripada kalangan warga IPGKIK. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, bacaan doa, ucapan dan perasmian oleh Pengarah IPGKIK YBrs Dr. Faridah Yakob dan diteruskan ke lawatan reruai oleh Dr. Pengarah, Timbalan Pengarah Pn. Azlina Ahmad, Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Unit termasuk para siswa guru bagi menyaksikan pelbagai kebitaraan dari tiga kluster berbeza.

Reruai Pendidikan Khas telah mempamerkan tiga kategori iaitu masalah penglihatan, masalah pendengaran dan masalah pembelajaran. Pelbagai produk dan bahan informasi berkaitan keperluan dan kaedah mengatasi masalah Murid Berkeperluan Khas dipamerkan dan dapat memberi pencerahan dan panduan bermanfaat kepada semua pelawat.

Reruai bagi Jabatan Pendidikan Muzik telah mengenengahkan tiga kumpulan pelajar yang mempamerkan kemahiran bagi alat muzik kompang, kemahiran alat muzik rekoder dan kemahiran alat muzik perkusi. Setiap kumpulan memperkenalkan produk masing-masing termasuk membuat demonstrasi cara permainan bagi setiap alat muzik yang diwakilli kumpulan masing-masing secara kreatif dan inovatif.

Reruai Pendidikan Seni Visual mempamerkan pelbagai bahan berbentuk visual termasuk menjual produk seperti penyangkut kunci, aktiviti mewarna batik, aktiviti mewarna menggunakan cat air termasuk memperagakan seni fesyen pakaian/kostum yang merangkumi pelbagai tema secara kreatif dan inovatif.

Program Kecemerlangan Kebitaraan IPGKIK



Pameran dan aktiviti yang dijalankan sepanjang program kebitaraan berlangsung





Para peserta yang mempamerkan kebitaraan bidang masing-masing diberi penghargaan berbentuk hadiah secara individu dan berkumpulan sebagai motivasi yang dapat menggalakkan penglibatan aktif siswa guru dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak IPGKIK.

Secara keseluruhannya, program kebitaraan IPGKIK telah menonjolkan pelbagai keunikan dari pelbagai bidang dengan mendapat sambutan hangat oleh seluruh warga IPGKIK. Program kebitaraan yang menonjolkan keistimewaan atau keunikan bagi setiap bidang yang ditawarkan di IPGKIK ini mampu diamati dan disuburkan oleh seluruh warga IPG menerusi Program Kebitaraan yang telah dianjurkan.

Dilaporkan oleh: Dr. Fauzila binti Abdul Latif



PENTAKSIRAN DALAM PENDIDIKAN MUZIK SEMASA

Hanis Nadwa Binti Hasmadie
Sekolah Kebangsaan Air Baruk
Jalan Paya Batu, Jasin Melaka



Pendidikan menjadi semakin moden dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin membangun. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah lama memperkenalkan konsep pembelajaran secara maya iaitu melalui pengenalan konsep Sekolah Bestari pada tahun 1996, serta Pembestarian Sekolah dan laman Frog VLE pada tahun 2006 (Roshlawaty, 2020). Bermula pada penghujung tahun 2019, konsep dan kaedah pembelajaran ini telah berkembang dan diadaptasi oleh masyarakat ketika penularan wabak virus COVID19. Pandemik Covid-19 sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan masyarakat negara ini terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini dijangka mengambil masa yang lebih lama untuk diadaptasi (Ima & Adam, 2020).

Persekitaran pembelajaran dalam talian yang dinamik dan inovatif membolehkan pelajar mempunyai pengalaman pembelajaran yang bermakna yang menjadi masa depan dunia pendidikan (Rapanta et.al 2020). Oleh itu, bagi memastikan tiada keciciran dalam kalangan murid, guru-guru Pendidikan Muzik turut mengambil inisiatif meneruskan sesi pengajaran dan pentaksiran Pendidikan Muzik secara dalam talian untuk memastikan kelangsungan proses pembelajaran. Perubahan daripada sistem peperiksaan kepada pentaksiran secara digital dilihat sebagai satu transformasi dalam sistem pentaksiran pendidikan negara.

Pentaksiran Sebahagian daripada Proses Pengajaran Dan Pembelajaran

Pentaksiran adalah sebahagian daripada proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, membuat skor, dan menterjemahkan maklumat tentang pembelajaran seseorang murid bagi sesuatu tujuan tertentu. Mohamad Najib Abdul Ghafar (2011) mendefinisikan pentaksiran sebagai proses mengukur proses penilaian, iaitu proses yang sistematik yang melibatkan pengumpulan, penganalisisan dan penterjemahan keterangan tentang tahap pencapaian pelajar terhadap objektif pengajaran. Proses pentaksiran perlu dirancang dengan teliti kerana di akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat mencapai objektif pengajaran yang ditetapkan oleh guru.

Pentaksiran dianggap sebagai satu proses yang sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, pentaksiran dilihat sebagai sebahagian daripada elemen utama

dalam proses pengajaran dan pembelajaran, bukannya dua elemen yang terpisah. Huraian sukatan pelajaran mengandungi maklumat kurikulum yang meliputi tujuan dan objektif kurikulum, penerangan kemahiran berfikir dan strategi berfikir, kemahiran saintifik, sikap saintifik dan nilai murni, strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta kandungan kurikulum (Mohd. Isa et al. 2013).

Sebagai panduan pelaksanaan pengajaran dan pentaksiran, adalah amat penting bagi guru untuk memahami dan menguasai Dokumen Standard Kurikulum Pengajaran (DSKP) mata pelajaran Pendidikan Muzik. Guru perlu memahami standard kandungan dan standard pembelajaran tajuk pengajaran yang hendak guru laksanakan agar objektif pengajaran itu dapat dicapai dan pentaksiran ke atas kemahiran muzik terutamanya yang dilaksanakan kepada murid harus menepati objektifnya. Indikator kejayaan dan kegagalan murid dalam menguasai aspek pembelajaran terutamanya dalam kemahiran muzik seperti nyanyian, permainan alat perkusi, muzik dan gerakan serta bermain alat rekorder adalah bergantung kepada peranan guru yang sangat besar dalam menentukan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan mengikut keperluan murid tersebut.

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Pendidikan Muzik

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) 2019, Pentaksiran Bilik Darjah atau PBD merupakan pentaksiran yang berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid di samping memberi maklum balas tentang pengajaran guru. PBD ditadbir mengikut kuasa-kuasa yang diberikan oleh Menteri Pelajaran kepada Pengarah Peperiksaan berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) : Seksyen 67 -Penilaian Murid, Seksyen 68 - Peperiksaan dan Seksyen 69 – Larangan Tentang Pengendalian Peperiksaan dan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997, Bahagian II, Perkara 3.

Pentaksiran bilik darjah boleh terdiri daripada pentaksiran formatif dan sumatif. Pentaksiran formatif adalah mentafsir perkembangan sebagai pembelajaran (as learning) dan mentafsir perkembangan untuk pembelajaran (for learning) yang dilakukan secara berterusan dalam pelaksanaan PdP. Contoh pentaksiran formatif ialah lembaran kerja, pemerhatian, kuiz, senarai semak dan latihan amali. Satu contoh pentaksiran formatif untuk pembelajaran ialah aktiviti soal-jawab yang dijalankan oleh guru semasa sesuatu pengajaran dijalankan. Tujuan soal-jawab itu adalah untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan nilai murid. Maklumat yang diperolehi dari aktiviti soal-jawab itu membantu guru meneruskan PdP dan merancang pelaksanaan PdP seterusnya. Pertanyaan dan pencarian jawapan terhadap perkara yang dipelajari merupakan aspek utama dalam pendekatan ini.

Manakala pentaksiran sumatif mentafsir perkembangan tentang pembelajaran (of learning) adalah dilakukan di akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, bulan atau tahun. Pentaksiran formatif dan sumatif, keduanya harus dikuasai oleh guru agar pentaksiran dapat dijalankan secara berkesan dan menyeluruh bagi mencapai matlamat yang tersendiri dalam proses PdP. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid. Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Standard Prestasi (SPi) KSSR Pendidikan Muzik diwujudkan sebagai rujukan untuk guru mentaksir tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik. Standard Prestasi ini mengandungi 6 Tahap Penguasaan yang merangkumi domain kognitif, psikomotor dan afektif. Tahap penguasaan murid kemudiannya akan dikuantifikasikan dengan memberi skor kepada jawapan yang diberi atau disebut pengukuran. Tahap Penguasaan ini disusun secara hierarki bermula pada penguasaan terendah iaitu Tahap Penguasaan 1 hingga penguasaan tertinggi iaitu Tahap Penguasaan 6. Di akhirnya, tahap penguasaan keseluruhan akan diberikan oleh guru yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Murid ditaksir secara kolektif dan holistik. Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSR Pendidikan Muzik digunakan untuk melaporkan pencapaian murid berdasarkan rubrik yang dijadikan sebagai panduan kepada guru untuk mentaksir prestasi murid seperti dalam jadual di bawah.

DSKP KSSR Pendidikan Muzik Semakan 2017

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui pengetahuan asas dan kemahiran asas muzik.
2	Memahami pengetahuan asas dan kemahiran asas muzik.
3	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam aktiviti muzik.
4	Menganalisis karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.
5	Menilai karya menggunakan pengetahuan dan kemahiran muzik.
6	Menjana idea kreatif dalam pengkaryaan muzik.

Cabaran Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Pendidikan Muzik

Merujuk surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2019 Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) Pendidikan Seni Visual dan KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Muzik bagi menggantikan mata pelajaran Pendidikan Kesenian Mulai Tahun 2020 bertarikh 7 November 2019. Pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Muzik memperuntukkan masa minimum setahun 16 jam bagi mata pelajaran Pendidikan Muzik bagi setiap sesi pengajaran dan pembelajaran.

Dengan jumlah masa yang diperuntukkan itu, pihak sekolah mengambil saranan kementerian untuk memperuntukkan 30 minit atau 2.0% waktu PdP Pendidikan Muzik di dalam jadual Tahap 1 dan Tahap 2 sekolah rendah. Melihat sukatan dan kandungan pengajaran serta pentaksiran yang wajib dilaksanakan, guru muzik menghadapi kekangan menghabiskan sukatan pelajaran dan menjalankan pentaksiran berbentuk amali.

KSSR (Semakan 2017) Pendidikan Muzik disusun berasaskan modul kurikulum dengan peratus pemberatan Bahasa Muzik (10%), Kemahiran Muzik (40%), Kreativiti Muzik (40%) dan Apresiasi Muzik (10%). Mengikut saranan dan cadangan daripada DSKP yang dibekalkan, guru boleh menggabungkan kandungan antara modul ketika melaksanakan aktiviti

pengajaran dan pembelajaran agar pengajaran dan pentaksiran dapat diselesaikan dalam masa 16 jam setahun. Sebagai solusi, guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai Standard Pembelajaran.

Guru perlu merancang pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan mengintegrasikan pelbagai sudut kecerdasan untuk memperkembangkan aspek kecerdasan muzikal pelajar serta kecerdasan lain. Pendidikan muzik melibatkan domain kognitif, domain psikomotor dan domain afektif. Kecerdasan muzikal pelajar diperkembangkan secara berperingkat berdasarkan Taksonomi Bloom, manakala untuk kecerdasan pelbagai yang selaras dengan trajektori kecerdasan Gardner iaitu tahap asas (mengumpul dan memahami pengetahuan konsep asas muzik); tahap kompleks (memproses dan menganalisis informasi) dan tahap kognitif tinggi (menilai dan mencipta komposisi).

Pentaksiran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) dalam Konteks Pendidikan Muzik Semasa

Rentetan daripada Covid-19 ini telah mendedahkan satu kelompok yang besar dalam jurang digital yang wujud di kalangan pelajar terutama di kawasan pedalaman. Kebolehan mereka untuk mengakses pembelajaran dalam talian memerlukan jaringan jalur lebar yang tinggi, peranti seperti komputer atau komputer riba ataupun telefon pintar. Di kawasan bandar terdapat aduan di mana pelajar-pelajar berkongsi peranti dengan ibu bapa menyebabkan mereka gagal dan tidak dapat menggunakan sepenuhnya pembelajaran yang dijalankan dalam talian. (Wan Ya Shin, 2020). Menurut laporan kajian '*Covid-19 and Unequal Learning*' yang dilakukan oleh Khazanah Research Institute (KRI), sebanyak 37 peratus kanak-kanak menghadapi masalah tidak mempunyai kelengkapan peranti seperti komputer riba dan tablet yang boleh digunakan semasa melaksanakan PdPR manakala hanya enam hingga ke sembilan peratus sahaja kanak-kanak yang mempunyai peranti komputer riba sendiri.

Konsep dan kaedah pentaksiran secara dalam talian sangat luas. Penggunaan aplikasi dan pengaturcaraan dalam sesuatu perisian juga memainkan peranan dalam pentaksiran. Capaian internet dan kemudahan akses internet sangat penting dalam menjayakan pentaksiran tanpa bersemuka. Selain itu, guru harus menetapkan satu platform komunikasi yang mengaplikasikan penggunaan teknologi canggih yang boleh digunakan sebagai medium pengajaran dan pentaksiran. Bahan pengajaran boleh dimuatnaikkan di dalam Google Classroom, Zoom, Google Meet dan lain-lain aplikasi yang terdapat di dalam komputer (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, 2020).

Tamilmullai dan Salini (2021) menyatakan skrin telefon bimbit yang kecil juga menjadi satu cabaran kerana apa yang dimuat naik oleh guru semasa pembelajaran secara dalam talian menggunakan *google meet* mahupun *zoom meeting* di mana murid tidak dapat dilihat dengan jelas. Situasi dan kemudahan akses setiap pelajar itu berbeza dan perbezaan ini merupakan cabaran kepada setiap pelajar dalam mendepani dan menjalani proses pembelajaran dan pentaksiran yang ditadbir secara atas talian. Mengambil contoh, jika guru menggunakan platform *google meet* mahupun *zoom meeting* untuk mengajar rekoder, pastinya murid mengalami kesulitan untuk melihat dengan jelas paparan penjarian rekoder dan paparan skor

lagu untuk ditiup pada rekoder sekiranya menggunakan telefon bimbit yang mempunyai saiz skrin yang kecil.

Menteri Pendidikan Malaysia Dr Radzi Jidin (2021) dalam temubualnya bersama rancangan Bual Bicara Khas Hari Guru bersama Menteri Kanan Pendidikan menyatakan penyediaan kaedah pendigitalan dalam menyampaikan pengajaran memerlukan dasar yang cukup luas bagi membolehkan persediaan latihan struktur kompetensi dapat ditingkatkan. Hal ini menuntut guru untuk mengambil inisiatif sendiri untuk memahirkan penggunaan teknologi digital untuk menjayakan pengajaran dan pentaksiran dalam talian. Ini disokong oleh dapatan Petrie (2020) potensi diri guru boleh dikembangkan dengan menghadiri kursus pendidikan, latihan dan program pengembangan melalui beberapa platform dalam talian termasuk platform komunikasi dan kolaborasi terpadu seperti Microsoft Teams, Google Classroom, Canvas dan Blackboard.

Pentaksiran dalam Pendidikan Muzik melibatkan pelbagai aspek terutama dalam bidang kemahiran muzik, bahasa seni muzik, penciptaan dan apresiasi muzik. Keempat-empat aspek ini melibatkan penggunaan audio, grafik, demonstrasi dan simulasi dalam memberikan kefahaman pengajaran kepada murid. Bagaimana guru hendak menunjukkan teknik penjarian, penglidahan, *embochure*, postur dan penghasilan ton yang betul jika guru tidak mahir menggunakan video sebagai salah satu kaedah pengajaran? Bagaimana guru hendak memuat naik bahan tersebut ke dalam peranti? Apakah durasi masa video pengajaran yang guru berikan sesuai dengan tempoh pembelajaran murid? Persoalan-persoalan ini menuntut kemahiran dan pengetahuan guru dalam teknologi digital masa kini. Akhirnya, bagaimanakah bentuk pentaksiran yang akan guru laksanakan dan apakah cara untuk murid menghantar tugas amali pentaksiran? Guru boleh menggunakan Google Classroom sebagai medium penyimpanan eviden rakaman tugas amali pelajar, atau WhatsApp dan telegram untuk memudahkan guru memberikan arahan dan penghantaran video rakaman dan atau rakaman suara pelajar.

Kita sedia maklum bukan semua ibu bapa mempunyai latar belakang dan pengetahuan dalam bidang pendidikan muzik, maka guru harus memudahkan arahan pentaksiran agar dapat memudahkan ibu bapa mengajar semula anak mereka di rumah. Guru perlu cakna ketika PdPR, ibu dan bapa memainkan peranan sebagai guru kedua di rumah yang akan memantau dan membantu pembelajaran anak mereka. Ini secara tidak langsung ibu bapa perlu meningkatkan kemahiran mereka dalam penggunaan teknologi. Mohd Norazmi, Faiza & Ruqia (2021) melalui analisis kajian yang dilakukan, beliau mendapati antara elemen ibu bapa yang mencabar ialah dari segi penyediaan bahan atau kemudahan, pengetahuan, kemahiran dan pengurusan keluarga. Sumitra dan Roshan (2021) menjelaskan ini secara tidak langsung telah menjalin hubungan yang kuat antara guru dan ibu bapa berbanding sebelumnya. PdPR ini menuntut kerjasama antara guru dan ibu bapa yang sudah mula menerima dan membiasakan diri dengan pendidikan norma baharu ini demi kelangsungan pembelajaran anak-anak mereka.

Kesimpulan

Guru Pendidikan Muzik masa kini sentiasa berhadapan dengan isu cabaran pentaksiran, baik pentaksiran bersemuka atau pentaksiran dalam talian kedua-duanya mempunyai cabaran yang tersendiri kepada guru. Namun, atas dasar amanah dan tanggungjawab, seorang guru muzik itu akan tetap menjalankan pengajaran dan pentaksiran itu dengan sebaiknya. Malah segala cabaran yang dihadapi menjadikan seorang guru muzik itu lebih berfikiran kreatif, kritis dan berfikir di luar kotak agar dapat menjayakan dan menyelesaikan pengajaran dan pentaksiran dalam masa yang sangat terhad. Guru perlu menguasai pelbagai kaedah pengajaran seperti pengajaran terbeza, pengajaran teradun untuk dimanfaatkan dalam pengajaran guru agar proses pentaksiran yang dijalankan dapat ditadbir kepada semua murid mengikut aras pencapaian masing-masing. Segala cabaran ini, akan membentuk satu pemikiran yang kritis yang akan melahirkan pengajaran muzik yang lebih kreatif dan menyeronokkan. Nilai tambah kepada guru, perlu memahirkan pengetahuan guru dalam teknologi pendidikan agar dapat mengintegrasikan kandungan dan pedagogi Pendidikan Muzik itu ke dalam teknologi hari ini. Pendidikan hari ini tidak lagi berpusatkan guru semata, malah menuntut kerjasama daripada pelbagai pihak dalam kemenjadian murid. Guru, ibubapa dan murid perlu memikul tanggungjawab ini dalam memastikan pentaksiran semasa PdPC bersemuka mahupun PdPR dapat dilaksanakan dengan jayanya dan secara tidak langsung mencapai hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013- 2025).

Rujukan

- Ima Eryanty Abdul Manaf & Adam Zulkarnain Saleng (2020). *Pandemik: Pendekatan Pelaksanaan Latihan*. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- Mohd. Isa, Norlly and Abu Naim, Hamimah (2013) *Kajian keperluan pembinaan modul pentaksiran berasaskan sekolah bagi tajuk dinamik dalam Mata Pelajaran Sains Tingkatan 2*. In: 2 nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013), 7th to 10th October 2013, Johor Bahru, Johor, Malaysia.
- Muhamad Najib Abdul Ghafar. (2011). *Pembinaan dan analisis ujian bilik darjah edisi kedua*. UTM Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my> (20 Januari 2022)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi ke-2 (2019). Diperoleh daripada https://unitldp.ipsah.edu.my/images/files/PBD_Edisi_2.pdf (19 Januari 2022) .
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Muzik Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 2*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Muzik Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 4*.

- Sumitra Pokhrel and Roshan Chhetri (2021). A Literature Review on Impact of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning. Reprints and permissions: [in.sagepub.com/journals-permissions-india](https://www.sagepub.com/journals-permissions-india) DOI: 10.1177/2347631120983481journals.sagepub.com/home/hef
- Tamilmullai Thannimalai & Salini Baloh (2021) Cabaran Pdpr Bahasa Tamil Di Sekolah Luar Bandar. *MJSSH Online*: 5(2), 183 – 190
- Mohd Norazmi bin Nordin, Faiza Iqbal, Ruqia Safdar Bajwa. (2021). Challenges Of Parents In The Implementation Of Teaching Process And Facilitation At Home During Movement Control Order For Students With Special Needs With Hearing Impairment In Malaysia. *Psychology And Education* (2021) 58(2): 9188-9193
- Mohd Nawawi, M. Z., (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. *Transformasi of Multimedia Teaching and Learning in Islamic Education: A Discussion. Journal of ICT in Education*, 7(2), 14-26. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol7.2.2.2020>
- Palden T. (2020, August 12). Women test COVID-19 positive after five tests locking down entire country. *Kuensel*, pp. 1–2. <https://journals.sagepub.com/doi/full/10.1177/2347631120983481#bibr8-2347631120983481>
- Radzi Jidin (2021). Bual Bicara Khas Hari Guru Bersama Dr. Radzi Jidin, Menteri Kanan Pendidikan di DidikTV. <https://www.facebook.com/ppdbap/videos/bual-bicara-khas-hari-guru-bersama-dr-radzi-jidin-menteri-kanan-pendidikan-di-di/986551218818515/>
- Rapanta, C., Botturi, L., Goodyear, P., Guàrdia, L., & Koole, M. (2020). Online University Teaching During and After the COVID-19 Crisis: Refocusing Teacher Presence and Learning Activity. *Postdigital Science and Education*, 2, 923-945. <https://doi.org/10.1007/s42438-020-00155-y>
- Roshlawaty Raieh (2020). Realiti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa PKPB: Ini yang perlu kita tahu. Daripada <https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/realiti-pengajaran-dan-pembelajaran-di-rumah-pdpr-semasa-pkpb-ini-yang-perlu-kita-tahu-1.936425>
- Wan Ya Shin (2020) Pendidikan Sepanjang Krisis COVID-19. Pengurus Penyelidikan, Institut Demokrasi dan Hal Ehwat Ekonomi (IDEAS). Diperoleh daripada <https://www.ideas.org.my/pendidikan-sepanjang-krisis-covid-19> (26 Januari 2022).

EVENT REPORT

TRANSMISSION OF TRADITIONAL MUSIC: AN EXAMPLE OF CANTONESE OPERA IN HONG KONG



The banner for the 3rd National Conference on Music Education (NCME 2023) features a pink background with various logos at the top, including the Faculty of Education at Chulalongkorn University, the Faculty of Fine Arts at Mahachulalongkornrajavidyalaya University, and the Music Majors Society. The main text reads: '22-24 กุมภาพันธ์ 2566 THE 3RD NATIONAL CONFERENCE ON MUSIC EDUCATION การประชุมวิชาการทางด้านดนตรีศึกษาระดับชาติ ครั้งที่ 3 - NCME 2023'. Below this, it lists the host institutions: 'ณ สาขาวิชาดนตรีศึกษา ภาควิชาศิลปะ ดนตรี และนาฏศิลป์ศึกษา คณะครุศาสตร์ จุฬาลงกรณ์มหาวิทยาลัย'. A section titled 'ปาฐกถา KEYNOTE SPEAKERS' features a circular portrait of Prof. Bo-Wah Leung and the text: 'Transmission of Traditional Music: An Example of Cantonese Opera Prof. Bo-Wah LEUNG, ISME President'.

On the 23rd of February 2023, the 3rd National Conference on Music Education (NCME) in Bangkok, Thailand cordially invited MAME members to join their online conference keynote session by Prof Bo-Wah Leung (ISME President) entitled Transmission of Traditional Music: An Example of Cantonese Opera in Hong Kong. The event was broadcasted via Zoom and MAME members were able to join this meaningful and knowledgeable conference.


Prof. Bo-Wah Leung at the conference



Brief History of Cantonese Opera

Prof. Leung started his presentation with a brief history of Cantonese Opera in Hong Kong as the 1920s – 60s was the golden age for Cantonese Opera. It was the only public entertainment in Hong Kong during that time. Prof Leung pointed out a few cultural traditions in Cantonese Opera such as ritual performances, improvisatory and apprenticeship. In the 1960s – 1990s Cantonese Opera was no longer the mainstream entertainment as Western, Taiwanese pop and Canto-pop songs emerged.

Showcase of the Cantonese Opera at its peak in the 1920s-60s



The influence of Western, Taiwan pop and Canto-pop songs in Hong Kong in the 1950s-1970s



During that period of time, the broadcasting of television western movies had shown the deteriorating Cantonese Opera. However, in the year 2000, after the return of Hong Kong sovereignty to China, Cantonese Opera was promoted as part of Chinese culture in school education. It was even enlisted as an UNESCO Intangible Cultural Heritage and more funding for Cantonese Opera development was established. It was included in the formal school music curriculum.

Prof. Leung showcased a few samples of Cantonese opera performances including a few traditional scenes of a live performance and also some scenes in a movie featuring Western costumes where Cantonese Opera was also performed on TV shows.

A showcase of traditional scene of a live performance



Some scenes in a movie which include Cantonese Opera



Cantonese Opera faces challenges of cultural sustainability. Questions such as the following are often questioned by researchers: How to persuade the younger generation to frequently enter the theatre? How to encourage the younger generation to learn and become professional artists? How to engage children to learn the genre? And how to ensure the preservation of Cantonese Opera?


A computerized system for the Cantonese Opera movement.

To answer these questions, Prof Leung and his team had come up with 3 methods of solutions. First, he conducted research on applying technology in education. They developed an app for iPad to provide students with immediate assessment for learning. They also set up a computerized system for the Cantonese Opera.


A computerized Kinetic Chain Assessment and Learning System (CKCALS) was developed where Kinect captures movements of the Master and learners, then the system compares the movement recorded according to the assessment standard and gives the learners immediate feedback for improvement. It is user-friendly, inexpensive, and portable.

The system is an application for iPad. It is an App for the accompaniment of Cantonese operatic singing with the aim to use technology to keep traditional cultures alive in modern society; to provide software for teaching and performance in school and community learning; to solve problems including the learning of an instrument, lack of an instrument and lack of skills; and to promote the learning of *gongche* notation (工尺谱) which is a system of musical notation using Chinese characters in traditional Chinese music. The application was patented in 2022. The app was used in performances in schools.

Diagram showing how the Computerized Kinetic Chain Assessment and Learning System (CKCALS) works



The usage of the system with live performances



Sample of *gongche* notation (工尺譜) which is a system of music using Chinese characters in traditional Chinese music

Gongche notation 工尺譜

- A system of musical notation using Chinese characters, used in traditional Chinese music
- 合士乙上尺工反六五 =
- so, la, ti, do, re, mi fa, so, la


▲別鶴怨 (六六) 五生六六六反尺尺尺上乙上乙上
乙上尺工尺五生六六六反尺尺尺上乙上乙上
鄉針針都 有淚 滴斷恨人
關合士合
生▲接唱▼上乙合反合乙上乙上 上尺合反合乙上乙上 尺反六
五反六尺上尺上
淵緣 楊
且▲接唱▼五反六尺反六合
我 甚 淒涼

Usage of the apps

How users of the apps learn

Using the Apps for performance

Performances that use the app




A collaboration between a music teacher and a Cantonese Opera artist in the same classroom.

The second method proposed by the Prof Leung and his team to solve the problem is to involve Cantonese Opera artists in music lessons in school, whereby there is a collaboration between a music teacher and a Cantonese Opera artist in the same classroom. In a study in 2010, Prof Leung and his team, found that primary school students possess higher learning motivation than junior secondary school students. He also found that primary school students had a significant improvement in learning motivation after learning Cantonese Opera for three months. Thus, he concluded that age differences, self-consciousness and socio-cultural background impacted the learning of Cantonese Opera. In his opinion, the partnership between a music teacher and a Cantonese Opera artist is effective in cultivating Cantonese Opera among students.

In another study from 2008-2011, after two rounds of interviews with 5 primary and 2 secondary music teachers, Prof Leung concluded that teachers who had classical music background with no understanding of Cantonese Opera were eager and willing to learn more about Cantonese Opera. After the collaboration between music teachers and a Cantonese Opera artist, one of the teachers admitted that she had reinterpreted her old experience with classical music and Cantonese operatic music. It has led to an in-depth understanding of Cantonese Opera and teacher's growth of music professionalism.

A study about teachers' transformation after the collaborations between music teachers and Cantonese Opera artists in classroom music lessons



Conceptualise a creative personal style in Cantonese Opera

The third method proposed by Prof. Leung and his team is to conceptualise a creative personal style in Cantonese Opera. The Cantonese Opera singing style is mostly an imitation of the old style, which is considered outdated by the younger generation and lacks creativity. The *Qiang* or personal style of singing is being mentioned in this context. Elements contributing to the proposition of *qiang* include melody, articulation, phrasing, expression, diction, and characteristics of vocal timbre. In the 1930s, there were diverse singing styles. However, since the 1980s, imitation has appeared to a great extent.

The reasons that hinder artists' creativity may due to several reasons. One of the reasons is that current Cantonese Opera artists are too indulged in the old style of singing, and they do not possess sufficient knowledge and experience in creating their own singing style. Besides that, young Cantonese Opera artists are too easily satisfied with their artistry craft, they do not have to urge to create their own singing style. Next, the lack of repeated performances by the Cantonese Opera artists and some experienced artists who are not willing to teach and share their experiences to the younger ones are also part of the reasons why creativity of singing style in Cantonese Opera has not shown. Prof Leung also shared his personal experience learning Cantonese Opera from the old artists and had the same experiences mentioned.

In 2015, Prof Leung concluded that there are 3 stages of artistic development that must be introduced in order to encourage creativity in personal singing style. The first stage is inheritance, which is to learn through imitation without reservation. The second stage is development, where reflection on strengths and weaknesses needs to be done and to make necessary changes or modifications if needed. The third stage is creation / creativity, whereby this is the stage where personal style is established.

Diverse styles of singing in the 1930s



Cantonese Opera singers learned from their masters. Thus they mostly learnt the same singing style



Singing imitation has appeared to a great extent since the 1980s



Three stages of artistic development according to Prof Leung



Prof Leung concluded that it is difficult for traditional art forms to survive in modern times due to social cultural changes. Preservation may not be secured for traditional culture and art, and all traditional art forms globally may be facing these issues, thus we have to accept evolution as the norm of cultural development.

The conference ended with great applause from the audiences and it was indeed a meaningful knowledge-sharing session. It was an insight for us as music educators to uplift culture and art to be part of our lives.

The organiser presenting a token of appreciation to Prof Leung for his insightful sharing



Reported by: Yeow Su En

EVENT REPORT

A MUSICAL JOURNEY EXPERIENCE SHARING

MAME ONLINE SERIES NO. 17:
A MUSICAL JOURNEY EXPERIENCE SHARING

EMIL AFRASIYAB
PIANIST & JAZZ PERFORMER
HEAD OF DEPARTMENT OF THE
AZERBAIJAN NATIONAL
CONSERVATORY

DR. SALASIAH ABBAS
MODERATOR

19 FEB 2023
2 PM - 4 PM / SUNDAY
FREE ADMISSION

Join Online!

QR CODE FOR REGISTRATION QR CODE FOR ZOOM MEET

FOR FURTHER ENQUIRIES, PLEASE CONTACT :
+60197738522

The 17th MAME Online Series brought participants successfully along a unique musical journey. Emil Afrasiyab, Head of the Department of Music at Azerbaijan National Conservatory (ANC) was invited to share on music education in Azerbaijan. Emil is an award-winning touring concert pianist, composer, jazz improviser and producer from Azerbaijan. He is also a passionate music educator. The Online Series was organized on 19th February 2023. In the beginning, Emil played a piece of Azerbaijan music as an introductory opening. Unfortunately, the sound of the piano could not be heard due to an unknown technical problem. However, the key elements of the whole session were framed with his music journey experience. The participants were told that Emil's performances could be easily accessed through YouTube.

Historical Background of Azerbaijan Music

Geographically, the Republic of Azerbaijan is located in southwestern Asia, bordering the Caspian Sea. With this background, Emil outlined some history of Azerbaijan Music for us. The most significant repertoire was the Mugam Classical Music.

The development of musical art in Azerbaijan started at the beginning of the twentieth century. It showed that Azerbaijani music was included in the overall system of professional musical culture of the world. Also, at the beginning of the 20th century, according to Emil, Jazz appeared. It happened during the Soviet period. Baku was one of the three cities best known for jazz, along with Saint Petersburg and Riga.

Personal Experience of Musical Journey

Emil emphasised that the key element in music learning was to begin with classical music. There are a lot of benefits to playing or listening to classical music. Compared to contemporary music, classical music provides a profound foundation that each musical performer needs to master. In his sharing, he highlighted how learning music step by step was important. He suggested starting learning music when young. Emil played music since he was a small child, and started to learn music when he was 7 years old. Inspired by his family experience, Emil always transcribed music from movies or radio programmes by ear. Dr. Salasiah, the moderator of this series agreed that it was important for musical learning to start from young. This should be implemented in Malaysia's education system as exposure to music among children is important to enable them to enjoy and appreciate music as part of education.

In the journey of teaching, Emil found that it is important for young people to receive the right education and be guided to the right direction. He highlighted out that no matter what the intention of playing music is, be it playing for fun, playing to become a professional musician or becoming a country representative abroad, it would contribute to it's country. The performances he shared with us, proved true what he shared and it was for him, a privilege to be able to perform and bring the music culture of Azerbaijan to the international platform.

The Best Performance in His Lifetime

For Emil, playing music with soul is important and the 3 most important skills a musician should possess are soul, good hearing and good technique. We cannot expect to be a great musician with just good hearing and technique without having a good playing soul.



The best concert he ever performed was in Azerbaijan. It was his pleasure to perform in his motherland. Meanwhile, the desire to promote Azerbaijan music in countries encouraged him to make his move to perform abroad. It truly benefited him to be able to perform with musicians who come from different countries and backgrounds. This enabled him to bring home different experiences and knowledge through practicing and rehearsals.

Suggestions

Before the session ended, Emil brought from the idea of putting together musicians from Azerbaijan and Malaysia for a performance so they could bring their respective cultures together and produce unique music compositions. For instance, blending pieces with Malaysian motives and a chorus from Azerbaijan's well-known piece. He added that, planning a few projects as a bridge connecting our two countries would be beneficial. This would serve as an exemplar to the future generations. Emil also introduced the online series participants to Jahangir Salimkhanov, the head of the Creative and Contemporary Music department in Azerbaijan, who was involved in many incredible music projects. Jahangir encouraged all kinds of interaction and hybrid between our two countries. Associate Professor Dr. Ramona Mohd Tahir, President of the Malaysia Association of Music Education affirmed that Malaysia is a multiracial and multicultural country. Hence, much traditional music could be shared with all the audience.

According to Isabella Pek, Head of Music at Kuala Lumpur City Hall, the Embassy of Azerbaijan in Malaysia had invited musicians from Kuala Lumpur to perform during the National Day of Azerbaijan previously. This year the planning was to have the musicians perform in conjunction with the anniversary of the establishment of diplomatic relations between Malaysia and Azerbaijan. She hopes more Azerbaijan-Malaysia collaborations will happen in the future.

In conclusion, this session has enlightened the participants the beautiful music of Azerbaijan and lighted the hope of further future collaboration between Azerbaijan and Malaysia.



Reported by: Koh How Earn

AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN BULETIN

Pengerusi

Prof. Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir

Setiausaha

YM Raja Nadiah binti Raja Zaharuddin Shah

Penasihat

Dr. Lim Zek Chew

Dr. Wong Huey Yi @ Colleen Wong

Ketua Editor

Dr. Fauzila binti Abdul Latif

Editor

Yeow Su En

Lim Li Wen

Koh How Earn

Maria binti Mohd Hatar

Dr Christine Augustine

Amir Hamzah bin Nordin





PENULISAN

ARTIKEL PENDIDIKAN MUZIK

Ruangan penerbitan disediakan
dalam Buletin Persatuan

**Sila hantar draf penulisan ke
mamebulletin@gmail.com**

Untuk maklumat lanjut,
sila layari laman sesawang
<http://mame.org.my>